

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMK 211 – Kritikan Kesusasteraan dan Disiplin Bantu**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

Kertas Peperiksaan ini mengandungi DUA BAHAGIAN (A & B).

Anda **WAJIB** menjawab Soalan 1 dalam Bahagian A (i– viii); dan jawab 2 (DUA) soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**BAHAGIAN A**

Anda WAJIB jawab semua soalan-soalan kecil (a) hingga (h) dalam soalan ini. Beri jawapan berbentuk nota ringkas. Beri peruntukan masa yang tidak melebihi 1 jam 15 minit untuk soalan ini.

## Soalan 1

- (a) “Sastera boleh dikaji menggunakan pendekatan sejarah/sejarah tamadun.” Jelaskan “keberhasilan ilmiah” daripada pendekatan tersebut.
- (b) Beri satu definisi Teori Sastera yang ringkas, tetapi cukup merangkumi.
- (c) Nyatakan secara ringkas pertalian antara Teori Sastera, Sejarah Sastera dan Kritikan Sastera.
- (d) Teori/Kritikan yang diasaskan kepada falsafah Plato digelar ‘Kritikan *Platonic*’; nyatakan tiga unsur/ciri penting dalam ‘Kritikan *Platonic*’ itu.
- (e) Teori/Kritikan yang diasaskan kepada falsafah Aristotle digelar Kritikan *Aristotlean* nyatakan dua unsur/ciri penting dalam Kritikan *Aristotlean* itu.
- (f) Kritikan Sastera dalam Zaman Pasca-klasik di Eropah, khususnya pada *Abad Pertengahan* (dari kurun ke-5 hingga ke-14) telah dipengaruhi oleh ‘prinsip moral dan etika keagamaan’. Jelaskan.
- (g) Kritikan dalam Zaman *Renaissance*, khususnya di Eropah, rata-ratanya berpaksikan dua ‘landasan teori’. Nyatakan apakah dua ‘teori’ atau ‘*isme*’ itu.
- (h) “Disiplin Linguistik Struktural, terutamanya yang diasaskan oleh Ferdinand De Saussure, telah mencetuskan Teori/Kritikan yang kemudiannya menjadi kuat dan berpengaruh sebagai ‘Kritikan Formalist’.” Jelaskan.

(40 markah)

**BAHAGIAN B**

Pilih & jawab DUA (2) soalan daripada bahagian ini. Beri jawapan berbentuk esei, tetapi yang padat dan berisi dengan fakta serta hujah.

2. “Pendekatan Kritikan moden bercorak ‘Psikologi/Psikoanalitis’ (yang berasal daripada Teori Psikologi Freud), mempunyai potensi sebagai ‘kerangka Kritikan Sastera’ untuk menilai karya, pengarang dan pembaca.”
  - (a) Jelaskan kenyataan di atas dari segi intipati teori Psikologi Freud.  
(10 markah)
  - (b) Huraikan cara ‘kerangka Kritikan’ tersebut dapat meningkatkan pemahaman terhadap sesebuah karya, seseorang pengarang dan pembaca karya itu.  
(20 markah).
  
3. “Pendekatan Kritikan moden bercorak ‘Strukturalist’ (yang berasal daripada Teori Linguistik Struktural serta Semiotik/Semiologi dan berkembang sezaman dengan Aliran Formalist) kini rata-ratanya diterapkan sebagai ‘*Kajian Intrinsik* (tanpa Mazhab atau *School of Thought*)’ terhadap karya sastera”.
  - (a) Jelas kenyataan di atas dari segi intipati Teori Linguistik Struktural dan Semiotik/Semiologi yang asal itu  
(10 markah)
  - (b) Huraikan dengan memberi satu contoh cara ‘*Kajian Intrinsik* (tanpa Mazhab atau *School of Thought*)’ itu dapat meningkatkan apresiasi terhadap sesebuah karya dan persekitarannya.  
(20 markah).
  
4. “Semenjak tahun 1920-an, kini terdapat sebanyak ‘Sembilan (9) Aliran Kritikan Sastera Moden’. Paling popular dalam kalangan pengkaji muda ialah ‘Pendekatan Sosiologikal’ atau ‘Sosiologi Sastera’ – ada kalanya digelar ‘Pendekatan *Eclectic*’ oleh pengkaji dari *Sub-discipline* Sastera Bandingan -- yang memungkinkan penggabung-jalinan antara dua atau lebih pendekatan.” Jelas dan huraikan kenyataan di atas dari segi:
  - (a) Apakah ‘Sembilan (9) Aliran Kritikan Sastera Moden’ itu dan cara sesetengah daripadanya boleh digabung-jalinkan?  
(10 markah)
  - (b) Bagaimana ‘Kritikan Sosiologikal’ atau ‘Sosiologi Sastera’ dapat meningkatkan pemahaman terhadap sesebuah karya dan konteksnya?  
(20 markah)